

PANDEMIK COVID-19: KESAN TERHADAP KADAR INDEKS JENAYAH DI MALAYSIA

COVID-19 PANDEMIC: IMPACT ON CRIME INDEX RATE IN MALAYSIA

Suhaila Ibrahim¹, Ishak Haji Abd Rahman^{2*}

¹ Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, University Kebangsaan Malaysia
Email: haq@ukm.edu.my

² Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: haq@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.08.2021

Revised date: 31.08.2021

Accepted date: 25.09.2021

Published date: 30.09.2021

To cite this document:

Ibrahim, S., & Abd Rahman, I. (2021). Pandemik Covid-19: Kesan Terhadap Kadar Indeks Jenayah Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (25), 114-134.

DOI: 10.35631/IJLGC.625010.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Serangan pandemik Covid-19 telah membawa perubahan yang besar terhadap masyarakat dunia apabila semua pejabat dan sekolah ditutup, aktiviti sosial dan keagamaan dijadikan larangan, kawalan pergerakan dan juga dihadkan penjarakan social. Tindakan ini secara secara tidak langsung memberi implikasi yang besar terhadap negara dan penduduknya dari segi politik, ekonomi, sosial, budaya dan sebagainya. Aspek utama yang menjadi perhatian rakyat pada masa yang kritikal ini adalah aspek kesihatan dan juga keselamatan. Malaysia tidak terkecuali dari melaksanakan pelbagai langkah, strategi dan tindakan yang dirasakan perlu bagi mencegah penularan wabak ini dengan tujuan menjaga keselamatan rakyat. Artikel ini melihat implikasi kawalan pergerakan khususnya terhadap kadar indeks jenayah di Malaysia semasa pandemik pada tahun 2020. Walaupun kadar indeks jenayah mengalami penurunan hampir 50% namun tidak semua jenis jenayah mengalami penurunan walaupun strategi kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dipercayai menjadi punca utama penurunan kes jenayah. Kajian ini akan menggunakan data-data diperoleh daripada data sekunder iaitu melalui bahan-bahan akademik seperti blog penulisan ilmiah, jurnal, keratan-keratan akhbar, dan buletin-buletin agensi berkaitan yang membincangkan tentang isu jenayah di Malaysia dan dunia akan mengupas mengenai isu jenayah.

Kata Kunci:

Covid 19, Indeks Jenayah, Jenayah di Malaysia.

Abstract:

The Covid-19 pandemic has brought great changes to the world community when all offices and schools are closed, social and religious activities are banned, movement control and even social imprisonment are restricted. This action indirectly has huge implications for the country and its people's political, economic, social, cultural, and so on. The main aspect that is of concern to the people at this critical time is the aspect of health and safety. Malaysia is no exception from implementing various measures, strategies, and actions that are deemed necessary to prevent the spread of this epidemic with the aim of maintaining the safety of the people. This article looks at the implications of movement control especially on the crime index rate in Malaysia during the pandemic in 2020. Although the crime index rate decreased by almost 50% not all types of crime decreased although the government's strategy to implement the Movement Control Order (PKP) is believed to be the main cause of the decline. criminal cases. This study will use data obtained from secondary data through academic materials such as scholarly writing blogs, journals, newspaper clippings, and bulletins of related agencies that discuss crime issues in Malaysia and the world will discuss crime issues.

Keywords:

Covid 19, Crime Index, Crime in Malaysia

Pengenalan

Corona Virus Disease atau Covid-19 merupakan wabak penyakit yang berasal daripada Wuhan, China. Kewujudan virus penyakit ini tidak diambil endah pada mulanya kerana disangkakan ianya hanyalah sekadar virus influenza biasa sehinggalah berlakunya kematian demi kematian dan penularan wabak ini telah berlaku begitu cepat bukan sahaja di negara China tetapi sehingga kini ianya telah menular ke 218 negara di seluruh dunia. Wabak ini telah dianggap sebagai virus yang amat berbahaya kerana ianya menyerang saluran pernafasan dan berupaya membawa kematian dalam tempoh masa yang singkat.

Pandemik Covid-19 ini merupakan pandemik terkini yang paling berbahaya melanda dunia selepas sejarah pandemik Selesama Spanish atau lebih dikenali sebagai ‘Spanish Flu’ yang berlaku pada tahun 1918 yang telah menjangkiti satu pertiga daripada jumlah populasi dunia dan telah meragut lebih dari 40 juta nyawa. Jumlah kematian ini dikatakan lebih ramai dari jumlah tentera yang maut semasa Perang Dunia Pertama. Virus Covid-19 yang bermula sejak Disember 2019 sebenarnya telah meninggalkan kesan yang amat besar kepada kebanyakan negara di dunia kerana negara-negara ini boleh dikatakan tidak bersedia dengan ancaman kesihatan di peringkat global. Artikel ini akan membincangkan tentang impak ancaman pandemik Covid-19 ini terhadap negara-negara di dunia dengan memfokuskan kepada Malaysia. Seperti yang kita sedia maklum, pandemik Covid-19 ini telah mempengaruhi pelbagai aspek perkembangan sosio ekonomi sesebuah negara terutamanya dari segi aspek kesihatan, keselamatan, kebudayaan, hubungan antarabangsa dan sebagainya. Kajian artikel ini akan melihat dan membincangkan bagaimana pandemik Covid-19 ini memberi kesan terhadap indeks jenayah di Malaysia, jenis jenayah yang paling popular pada musim Covid ini, faktor yang menyebabkan berlakunya perilaku jenayah dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha mengekalkan kadar indeks jenayah yang rendah di samping mensasarkan jenayah sifar termasuk juga persepsi umum masyarakat terhadap kerajaan.

Kajian Literatur

Jenayah dari segi istilah adalah berasal daripada perkataan Bahasa Arab ‘**Jinayat**’ yang bermaksud perbuatan ~ kejahatan (spt men-curi, merompak, membunuh, dll) yg salah di sisi undang-undang, perbuatan salah (di sisi undang-undang) (**Kamus Dewan Edisi Keempat**). Selain ‘Jinayat’ perkataan yang sering digunakan juga adalah ‘jarimah’. Menurut fuqaha’ kedua-duanya mempunyai maksud yang sama yang mana merujuk kepada larangan-larangan syarak yang membawa kepada hukuman had atau ta’zir dan ada juga fuqaha yang merujuk kepada larangan syarak yang mewajibkan kepada pembalasan had dan qisas. Secara amnya, jenayah bermaksud jenayah terhadap nyawa, akal fikiran, harta benda, keturunan dan kehormatan. (Dr.Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2019) Secara dasarnya, jenayah merupakan satu bentuk perbuatan yang boleh mendatangkan kemudarat dan kesusahan kepada orang lain. Sowmyya Thotakura (2011) mendefinisikan jenayah ialah

Crime is a public wrong. It is an act of offense which violates the law of the state and is strongly disapproved by the society. Crime is defined as acts or omissions forbidden by law that can be punished by imprisonment or fine. Murder, robbery, burglary, rape, drunken driving, child neglect and failure to pay taxes are examples of crimes. The term crime is derived from the Latin word “crimen” meaning offence and also a wrong-doer. Crime is considered as an anti-social behaviour.

Menurut definisi atau takrifan dalam Seksyen 2, Kanun Prosedur Jenayah Akta 593 jenayah adalah kesalahan yang boleh dihukum oleh sebarang undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Walau bagaimanapun, kategori perbuatan yang dianggap sebagai kesalahan atau jenayah adalah berbeza di antara sesbuah negara. Sebagai contoh, hukuman memukul anak secara fizikal bukan dengan niat untuk mendera tidak dikategorikan sebagai satu kesalahan di Malaysia. Namun, keadaaan ini adalah berbeza dengan undang-undang di negara Sweden yang merupakan negara pertama mengharamkan sebarang hukuman fizikal ke atas kanak-kanak sama ada di rumah atau pun di sekolah sejak tahun 1979 (Freden.J,2020).

Apabila wujudnya undang-undang, maka akan wujudlah pihak yang akan menguatkuasakan undang-undang tersebut. Biasanya, dalam apa juar tindakan yang melibatkan kesalahan, pihak yang bertanggungjawab untuk membuat penguatkuasaan adalah polis. Jenayah yang dilakukan boleh dilakukan oleh sesiapa saja tidak kira lelaki, wanita, tua atau muda. Namun, dengan adanya pihak polis yang bertindak sebagai penjaga keamanan maka kegiatan jenayah di negara kita dapat dikurangkan.

Jenis-Jenis Jenayah Di Malaysia

Jenayah boleh didefinisikan sebagai satu perbuatan yang menyalahi undang-undang kerajaan sesbuah negara dan orang yang melakukan perbuatan jenayah dinamakan penjenayah. Jenayah dibahagikan kepada 2 kategori iaitu jenayah indeks dan jenayah bukan indeks. Pengukuran jenayah sesbuah negara dianalisa berdasarkan peningkatan atau penurunan indikator jenayah indeks yang berlaku. Jenayah indeks merangkumi dua kategori jenayah iaitu jenayah kekerasan (bunuh, cuba bunuh, rogol, sumbang mahram, saman bersenjata/tanpa bersenjata, samun bersenjata/tanpa senjata, samun berkawan bersenjata / tanpa senjata, cedera parah) dan jenayah harta benda (pecah rumah dan curi siang / malam hari, curi motosikal, curi kenderaan, ragut, lain-lain curi)(Pelan Strategik KDN 2015-2019)


Metodologi Kajian

Maklumat-maklumat bagi penulisan artikel ini diperoleh daripada data sekunder iaitu melalui bahan-bahan akademik seperti blog penulisan ilmiah, jurnal, keratan-keratan akhbar, dan buletin-buletin agensi berkaitan yang membincangkan tentang isu jenayah di Malaysia dan dunia. Walaubagaimana pun, dalam melaksanakan kajian tentang indeks jenayah ini, halangan dan cabaran utama yang dihadapai adalah kesukaran untuk mendapatkan data yang tepat dan boleh dipercayai. Terdapat dua faktor utama yang menyumbang kepada limitasi untuk mendapatkan data jenayah ini. Pertama, fenomena di mana masyarakat yang terlibat dengan jenayah tidak melaporkan kejadian jenayah tersebut yang dinamakan jenayah gelap. Menurut bancian yang dilaksanakan oleh surat khabar harian berbahasa Cina iaitu Nanyang Siang Pau pada tahun 2004, anggaran sebanyak 50% daripada mangsa jenayah yang ditemubual melaporkan kejadian jenayah yang berlaku. Alasan biasa yang diberikan adalah mereka merasakan polis tidak dapat membantu (45.2%) dan sebanyak 29% adalah kerana tidak mempunyai bukti yang mencukupi.(2019).

Senario Jenayah Pra Covid-19

Pada umumnya masyarakat Malaysia amat prihatin dengan situasi semasa jenayah di negara ini. Kebimbangan terhadap jenayah ini mempengaruhi tahap kebergantungan terhadap pihak berkuasa iaitu polis. Apabila wujudnya kebergantungan ini, ianya secara tidak langsung melibatkan isu perlindungan dan keselamatan sangat. Namun, sejauh mana tahap kepercayaan masyarakat terhadap pihak berkuasa perlu diukur kerana dengan penurunan kadar jenayah pada masa ini tidak bermakna masyarakat mempunyai sepenuh kepercayaan bahawa tahap perlindungan dan keselamatan mereka adalah terjamin. Rajah 1 menunjukkan nisbah jenayah indeks bagi 100,000 penduduk di Malaysia 2015-2019. Jenayah yang biasanya menjadi punca ketakutan masyarakat adalah jenayah indeks iaitu jenayah yang melibatkan keganasan seperti samun bersenjata, kecurian kereta dan pembunuhan misalnya. Biasanya indeks jenayah diukur pada kekerapan berlakunya kejadian jenayah di sesuatu tempat dan mempunyai signifikasi yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah Satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dinamakan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) (**Bidang Keberhasilan Utama Negara - NKRA**) telah ditubuhkan pada September 2009. Nor-Ina Kanyo (2015) Penubuhannya bertujuan untuk memimpin perubahan di negara ini dan memastikan program transformasi negara berjaya disampaikan .Melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) unit ini memberi tumpuan kepada aspek memberikan pembaharuan kepada perkhidmatan awam dan pembangunan ekonomi dengan memberi penekanan kepada isu-isu semasa seperti isu pencegahan jenayah, pengurangan rasuah dan pembangunan luar bandar melalui Program Transformasi Kerajaan.

Rajah 1: Nisbah Jenayah Indeks bagi 100,000 penduduk mengikut negeri, Malaysia, 2015-2019




Sumber: Pejabat Ketua Perangkawatan Malaysia

GrafikBH

Melalui NKRA Jenayah, unit ini pada ketika telah mensasarkan pengurangan kadar indeks jenayah sebanyak lima (5) peratus setahun. Semenjak NKRA Jenayah ini diperbaharui, unit ini telah berjaya menurunkan kadar jenayah sebanyak empat puluh (40) peratus dalam tempoh 5 tahun (2010 – 2015) berbanding tahun 2009. Antara jenayah yang paling popular dan menyumbang sebanyak 80 peratus daripada jumlah tersebut adalah jenayah yang melibatkan kecurian harta benda. Kecurian harta ini juga adalah termasuk juga kecurian kenderaan. Manakala 20 peratus adalah jenayah yang melibatkan kekerasan (Dr. Amin Khan, 2015) Penurunan kadar jenayah indeks dinyatakan sebagai konsisten dengan negara-negara lain pada ketika itu. Penurunan kadar jenayah indeks ini digambarkan oleh unit ini seperti pada Rajah 2 di bawah. Terdapat dua (2) cara jenayah diukur iaitu (i) melalui statistik rasmi yang dikeluarkan oleh pihak yang menguatkuasakan undang-undang seperti polis, mahkamah dan penjara; dan (ii) statistik tidak rasmi yang dikeluarkan oleh pihak di luar sistem keadilan jenayah (Dr. Amin Khan, 2015).

Rajah 2: Indeks Kadar Jenayah




Sumber: Kementerian Dalam Negeri

Perbezaan statistik yang ditunjukkan oleh sumber yang berlainan ini secara tidak langsung akan mempengaruhi tahap kepercayaan masyarakat terhadap pihak berkuasa. Apatah lagi jika media massa dan media elektronik pada ketika itu tanpa gagal memaparkan jenayah berlaku setiap hari sedangkan pihak berkuasa melaporkan bahawa kadar jenayah adalah menurun. Masyarakat merasakan bahawa pihak berkuasa telah memanipulasi data statistik ini secara sistematis bagi menunjukkan keberkesanan dan kejayaan pihak polis dalam menangani isu jenayah.(Noore Alam Siddiquee, 2014). Dalam hal ini, Dr. Amin Khan menyatakan bahawa walaupun banyak jenayah besar dilaporkan pada setiap hari namun tidak semua kes jenayah tersebut dilaporkan dan direkodkan oleh polis. Jumlah ini dinamakan ‘jenayah gelap’ dan biasanya melibatkan jenis-jenis jenayah kecil. Seperti mana yang digambarkan di dalam drama-drama melayu di Malaysia, mangsa yang mengalami kejadian jenayah kecil seperti ragut, dicopet, langgar lari dan lain-lain biasanya mengambil keputusan untuk tidak melaporkan jenayah tersebut kerana percaya bahawa pihak polis tidak akan mengambil tindakan lanjut berbanding kes-kes yang lebih berat dan serius. Situasi ini juga melibatkan persepsi masyarakat terhadap polis. Walaupun melalui tinjauan awam, jumlah kes jenayah gelap tersebut dapat direkodkan namun ianya didapati tidak menyumbang kepada angka yang tepat kerana melibatkan jenis koding jenayah yang berbeza. Dalam hal ini, dinyatakan bahawa hanya jenayah yang direkodkan yang dikira sebagai statistik dengan merujuk kepada kaedah pengiraan yang setara di antara tahun 1980 sehingga 2009 seperti rajah 3 di bawah. Jika dilihat daripada rajah dan jadual di bawah , sejak tahun 1999 jumlah jenayah indeks sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Antara kawasan yang mencatatkan jumlah jenayah indeks tertinggi adalah Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan pada tahun 2002 dan 2004. Namun, selepas tahun tersebut terus berlaku peningkatan sehingga tahun 2009. Aspek peningkatan ini secara teorinya mungkin disebabkan oleh faktor-faktor seperti pertambahan penduduk, perubahan sosio ekonomi seperti zaman kemelesetan ekonomi pada ketika itu yang menyebabkan peningkatan terhadap pengangguran dan juga kemiskinan Data statistik jenayah sehingga 2003 tidak memberi pecahan kepada jenayah jalanan namun sejak 2004, pihak berkuasa mula memberi tumpuan kepada peningkatan jenayah bukan indeks selain dari jenayah harta benda kerana ianya memberi impak yang sama terhadap aspek keselamatan negara apabila banyak melibatkan keselamatan pelancong. Jenayah jalanan ini masih diberi tumpuan oleh media asing sehingga kini apabila Laporan Tahunan Jenayah dan Keselamatan 2020 yang diterbitkan oleh *Overseas Security Advisory Council (OSAC)* di bawah Biro Keselamatan Diplomatik Amerika Syarikat

masih lagi menilai Malaysia terutamanya Kuala Lumpur sebagai lokasi yang masih mempunyai ancaman tinggi terhadap jenayah jalanan seperti jenayah seluk saku, curi ragut, pecah kenderaan dan curi yang mensasarkan mangsa tidak kira warga tempatan atau pun rakyat asing. Penilaian ini masih lagi sama sejak laporan yang dikeluarkan pada tahun 2018.

Rajah 3



Tren Jenayah Yang Direkodkan (1980-2014)


Graf peningkatan di atas boleh diterjemahkan daripada jadual 1 di bawah dengan melihat peningkatan yang bermula dari tahun 1996.

Jadual 1: Jumlah Jenayah Indeks

Tahun	Jumlah Jenayah Indeks
1999	169,063
2000	167,130
2001	156,401
2002	148,978
2003	156,238
2004	128,544
2005	157,365
2006	196,780
2007	209,582
2008	211,645
2009	212,678
2010	186,162
2011	166,295
2012	153,669
2013	147,062
2014	128,544
2015	115,545
2016	112,354
2017	99,168
2018	88,662
2019	89,908

Sumber: Kementerian Dalam Negeri

Rajah 4:Tren Penurunan Jenayah Indeks



Sumber: Kementerian Dalam Negeri

Penurunan kadar indeks jenayah merupakan antara aspek utama dalam pertumbuhan ekonomi negara kerana ianya secara tidak langsung memberi persepsi kepada negara luar terhadap tahap kawalan keselamatan di negara ini. Indeks jenayah yang rendah akan menarik pelabur asing untuk membuat pelaburan dalam negara kita dan pelaburan inilah yang akan membantu memakmurkan ekonomi. Pada tahun 2015(Jadual 2) dan Rajah (4) jumlah jenayah indeks berjaya dikurangkan dengan wujudnya Unit PEMANDU dan sasaran NKRA untuk mengurangkan jenayah.

Senario Jenayah Semasa Pasca Covid-19

Semenjak dunia dilanda wabak Corona Virus atau Covid-19, pemimpin di setiap negara cuba untuk melindungi rakyat ini daripada krisis kesihatan ini dengan mengeluarkan arahan kawalan pergerakan,dan menggalakkan penjarakan sosial bagi mengelakkan penyebaran virus ini. Walaupun daripada rajah dan jadual di atas dapat dilihat tren turun naik indeks jenayah sejak dari 2010, namun apabila pandemik Covid-19 ini melanda dunia, ia memberi impak yang lebih besar kepada negara dalam semua aspek termasuk juga aspek keselamatan. Kerajaan Malaysia merupakan antara negara terawal yang menguatkuasakan Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit (1988) dengan mengenakan langkah kawalan pergerakan fasa pertama di seluruh negara selama dua minggu bermula pada 18 Mac 2020. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini (Jadual 3) dilaksanakan hampir di semua negara yang mengalami jangkitan wabak ini namun berbeza tarikh pelaksanaannya. Secara umumnya, arahan kawalan pergerakan ini menghadkan masyarakat untuk tinggal sahaja di kediaman masing-masing. Pada ketika ini pengecualian hanya diberikan kepada sektor perniagaan yang melibatkan barang keperluan, petugas kesihatan, produksi makanan dan petugas sektor keselamatan. Walaupun arahan ini hanya dipandang enteng pada mulanya,namun apabila kerajaan persekutuan mula melibatkan anggota tentera bagi mengawal pergerakan keluar masuk orang awam untuk merentas daerah dan negeri, arahan ini mula mendatangkan kesan kepada masyarakat Malaysia. Sempadan negara juga mula ditutup kepada warga asing untuk datang ke Malaysia. Jika dilihat dengan keadaan ini, kita sudah boleh mengandaikan bahawa tiada sebarang kegiatan jenayah dapat dilakukan apatah lagi jenayah terancang kerana pada ketika ini semua anggota masyarakat berada di rumah masing-masing.

Jadual 3: Fasa-fasa Perintah Kawalan Pergerakan

Perkara	Arahan	Tempoh
Fasa 1	PKP	18 Mac - 31 Mac 2020
Fasa 2	PKP	1 April - 14 April 2020
Fasa 3	PKP	15 April - 28 April 2020
Fasa 4	PKP	29 April - 12 Mei 2020
Fasa 5	PKPB	13 Mei - 9 Jun 2020
Fasa 6	PKPP	10 Jun - 31 Ogos 2020
Fasa 7	PKPP	1 September - 31 Disember 2020

Sumber: Kementerian Dalam Negeri

Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga menunjukkan kesahihan penurunan statistik jenayah semenjak bermulanya PKP. Memetik kata-kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ismail Mohamed Said yang menyatakan bahawa sebanyak 2,225 kes jenayah dilaporkan dari 1 Jan hingga 17 Mac lalu dan jumlah itu menurun kepada 546 kes dari 18 Mac hingga 3 Mei lalu. Tambah beliau semasa menjawab soalan daripada YB Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang) mengenai indeks kadar jenayah di ibu negara sebelum, semasa dan selepas PKP, 708 kes dicatatkan semasa PKP bersyarat dari 4 Mei hingga 9 Jun dan 488 kes dari 10 Jun hingga 30 Jun (Free Malaysia Today, 2020).

Penurunan Indeks Kadar Jenayah

Kuala Lumpur yang antara kawasan yang menyumbang kepada jumlah tertinggi jenayah juga mencatatkan penurunan melebihi 50% (Rajah 5) sepanjang tempoh fasa pertama perlaksanaan PKP. Menurut Ketua Polis Kuala Lumpur, faktor ini berkemungkinan besar disebabkan oleh peningkatan sekatan jalan raya dan rondaan bagi mencegah pelanggaran PKP, di sampingnya wujudnya elemen balai-balai polis dan pemantau yang bergerak dari semasa ke semasa. Menurut laporan laman pangkalan data global *Numbeo* sehingga pertengahan 2020, Malaysia mengalami penurunan indeks jenayah kepada 58.55% berbanding 60.66% dalam tempoh yang sama dilaporkan tahun lalu. Penurunan ini menjadikan Malaysia berada di tangga keempat dalam senarai indeks jenayah di rantau Asia.

Rajah 5: Indeks Jenayah di Kuala Lumpur



Sumber: Kementerian Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan: 20/7/2020
Infografik Bernama

Walaupun dengan penurunan jenayah indeks sebanyak 46.7% namun tidak bermakna tiada langsung kejadian jenayah dilaporkan. Walaupun dengan arahan PKP dan semua masyarakat atau orang awam berada di rumah, serta di mana-mana sahaja boleh dilihat sekatan jalan raya dan kenderaan polis membuat rondaan namun masih lagi ada yang tidak mengambil endah dengan keadaan negara yang dilanda pandemik dan memandang enteng arahan daripada pihak berkuasa untuk tidak keluar ke mana-mana apabila terdapat kejadian sekumpulan remaja mengambil kesempatan semasa PKP ini untuk melakukan jenayah samun secara berkumpulan. Kejadian samun ini oleh sekumpulan remaja ini bukan sahaja berlaku di semenanjung tetapi juga di Sabah. Malah ada juga yang mengambil kesempatan menyamar sebagai polis yang mengadakan sekatan jalan raya sempena PKP sebelum menyamun (Bernama, Sinar Harian, 2020) Selain dari jenayah samun, antara jenayah yang popular semasa PKP adalah jenayah curi kenderaan iaitu curi motosikal. (Dewan Rakyat, 2020) Ketika jenayah samun dan curi ini menjadi jenayah yang paling kerap berlaku semasa PKP, jenayah keganasan rumah tangga juga dilaporkan meningkat. Namun perbezaannya adalah pada mangsa, Jika sebelum ini mangsa keganasan adalah isteri, namun menurut analisis yang dijalankan oleh Bukit Aman, jumlah kes keganasan rumah tangga yang melibatkan ibu bapa meningkat sebanyak 20%.

Peningkatan Kes Keganasan Rumah Tangga

Kes keganasan rumah tangga meningkat sebanyak lapan peratus berbanding tahun sebelumnya. Menurut statistik dikeluarkan pertubuhan Sister In Islam (SIS), kes keganasan rumah tangga pada tahun 2020 direkodkan sebanyak 23 peratus jika dibandingkan ketika 2019 yang mencatatkan 15 peratus. Menurut kenyataan SIS, antara bentuk keganasan dialami

adalah penderaan fizikal (37 peratus), penderaan psikologi (31 peratus), penderaan sosial (11 peratus), penyalahgunaan kewangan (16 peratus) dan keganasan seksual (lima peratus). Jelas pertubuhan itu, statistik itu direkodkan menerusi perkhidmatan Telenisa yang diwujudkan oleh SIS. "Pandemik Covid-19 telah menyebabkan berlakunya pelbagai masalah sosial terutamanya dalam kalangan golongan wanita kerana kes keganasan rumah tangga melonjak naik sejurus PKP dilaksanakan dengan statistik ini direkodkan menerusi aduan Telenisa sama ada melalui panggilan telefon dan kiriman WhatsApp. (Utusan Malaysia 1 Jun 2021). Sebanyak 902 kes keganasan rumah tangga dilaporkan dalam tempoh Januari hingga April tahun 2020, dengan peningkatan didorong pelbagai faktor, khususnya implikasi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa sejak tahun lalu. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Rina Harun, berkata kebanyakan kes berpunca daripada desakan ekonomi dan tekanan hidup sehingga ada yang bertindak mencederakan pasangan atau ahli keluarga."Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM)sepanjang Januari hingga Disember 2020, sebanyak 5,260 kes keganasan rumah tangga telah dibuka kertas siasatan, manakala merujuk kepada statistik Talian Kasih KPWKM, dalam tempoh sama, sebanyak 2,540 kes keganasan rumah tangga telah diterima."Bagi empat bulan pertama untuk tahun 2021 iaitu dari Januari hingga April, sebanyak 902 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan. Statistik ini menunjukkan isu keganasan rumah tangga memerlukan intervensi dan kerjasama pelbagai pihak," katanya.(Berita Harian Mei 2021.)Menurut wawancara polis bersama Malay Mail, dilaporkan bahawa kes berpunca daripada anak-anak yang terdesak akibat kehilangan pekerjaan, gaji dipotong dan tidak dapat terlibat dengan aktiviti haram yang biasa dilakukan susulan PKP bagi mereka yang menjadikan aktiviti jenayah sebagai sumber pendapatan. Keadaan ini berlaku apabila anak-anak mengalami masalah kewangan dan ibu bapa pula tidak dapat memenuhi permintaan dan menjadi punca kemarahan mereka. Akibatnya adalah kecenderungan untuk mengasari dan memukul ibu bapa (ProjekMM,2020). Peningkatan jenayah fizikal di Malaysia juga bergerak seiring dengan peningkatan jenayah siber. Menurut Cyber Security Malaysia (CSM), semasa PKP jumlah insiden berkaitan dengan jenayah siber dilaporkan meningkat secara mendadak sebanyak 838 kes berbanding 459 kes yang dilaporkan pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut 18% mangsa jenayah adalah syarikat tempatan dan yang selebihnya adalah individu perseorangan dan beberapa kategori lain. Peningkatan ini berkait rapat dengan situasi semasa negara bahkan dunia apabila kebanyakan pengguna menggunakan internet sebagai platform utama untuk melakukan tugas-harian, pembelajaran atas talian, membeli-belah dan juga transaksi perbankan. Peluang ini digunakan oleh penjenayah siber untuk menggodam perisian pengguna, memecah masuk bagi mendapatkan maklumat sulit dan sensitif pengguna (Harian Metro,2020) Penjenayah sebenarnya amat kreatif dalam mencari peluang bagi mencapai matlamat mereka. Di saat masyarakat masih lagi diselubungi ketakutan terhadap pandemik dan memberi tumpuan terhadap kesihatan, berkemungkinan besar pada ketika masyarakat agak leka dan kurang memberi perhatian kepada aspek keselamatan harta benda dan juga kesedaran terhadap keselamatan siber dilihat sebagai peluang. Kelekaan dan kealpaan seperti inilah yang sebenarnya membuka pintu yang luas kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.

Indeks Jenayah Di Amerika Syarikat Semasa Dan Pasca Covid-19

Penurunan ini bukan hanya berlaku di Malaysia tetapi di seluruh dunia kerana di Amerika Syarikat, hampir setiap sumber berita utama yang melaporkan isu penurunan kadar jenayah di negara itu telah menemui fenomena yang sama iaitu persamaan dari segi kurangnya panggilan kecemasan (911) yang dibuat kepada polis. Secara keseluruhan, 30 bandar dan daerah mengalami penurunan sebanyak 11.5% bagi jenayah kekerasan dan penurunan

sebanyak 23% bagi jenayah harta benda.(Jackman,2020). Laporan *Associated Press* juga menyatakan jumlah tangkapan dadah di Chicago juga telah menurun sebanyak 42% sejak bandar-bandar ditutup sepenuhnya. Manakala kadar jenayah utama di Los Angeles juga telah menjunam secara drastik sebanyak 30% sejak 15 Mac 2020.

Dalam kajian yang dijalankan oleh *USA Today*, 19 daripada 20 agensi polis mencatatkan jumlah insiden jenayah yang lebih rendah pada tempoh yang sama melalui laporan penurunan ketara dalam insiden memberhentikan kenderaan atau orang awam di jalanan bagi tujuan siasatan sebanyak 92% di beberapa kawasan (Forbes, 2020). Pengarah Unit Analisis Jenayah dan Keamanan di Jabatan Polis Lawrence, Alyssa Elwell melaporkan bahawa jenayah di daerah itu juga menyusut keseluruhan sebanyak 37% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019 dengan jumlah 468 insiden yang dilaporkan antara bulan Mac hingga Ogos tahun lalu tetapi hanya 295 sahaja pada bulan tersebut bagi tahun 2020.(Taunt On Gazette, 2020) Secara umumnya, penurunan jenayah ini tidak berlaku serentak di seluruh bandar dan daerah berikut masih terdapat kawasan yang agak lewat dalam melaksanakan arahan untuk tinggal di rumah bagi mengurangkan penularan virus Covid-19. President Trump dalam kempen pilihan raya pada ketika itu mendakwa bahawa kawasan yang masih mempunyai angka jenayah tinggi merupakan kawasan takluk bagi parti Demokrat (The Malaysian Insight,2020) Walaupun terdapat penurunan dalam beberapa jenis jenayah terutamanya jenayah indeks, namun masih terdapat peningkatan atau pun status quo dalam jenayah-jenayah lain dan keadaan ini biasanya bergantung kepada kawasan (Ashby,2020). Namun teori ini tidak dapat dibuktikan secara jelas berikut penyelidik yang menjalankan kajian ini di Amerika Syarikat juga menghadapi isu yang sama sebagaimana di Malaysia di mana data statistik jenayah yang diperolehi tidak mencukupi kerana masih terdapat jenayah-jenayah yang tidak diketahui/tidak direkodkan oleh polis atau tidak dilaporkan secara rasmi (Boman et.al,2020)

Terdapat kajian yang menunjukkan pengguna yang hanya mengakses internet daripada rumah mempunyai kaitan positif kepada mangsa kecurian siber (Song et.al,2016) Di Amerika, angka peningkatan bagi jenayah siber agak menakutkan. Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) melaporkan bahawa jumlah aduan yang melibatkan serangan siber meningkat sebanyak 4,000 sehari yang merupakan peningkatan 400% dari musim pra Covid-19. Hasil kajian didapati berkemungkinan besar ramai mangsa yang membuat laporan aduan berbanding sebelum pandemik hasil dari kesedaran yang diterapkan oleh pihak berkuasa. Walaubagaimana pun, *International Criminal Police Organization* (INTERPOL) melihat keadaan ini sebagai satu keadaan yang membimbangkan apabila serangan siber ini banyak ditujukan kepada badan-badan korporat, kerajaan dan juga organisasi utama sebagai sasaran. Secara amnya, kesimpulan yang dibuat melalui hasil kajian indeks jenayah di Amerika adalah terdapat kemungkinan pandemik Covid-19 ini telah menyebabkan penurunan dalam kebanyakan jenayah jalanan, peningkatan dalam jenayah keganasan rumah tangga tetapi tiada perubahan dalam aspek jenayah siber (Hawdon.J et.al,2020)

Indeks Jenayah Di Taiwan Semasa Dan Pasca-Covid-19

Selain dari kita melihat indeks jenayah di negara gergasi seperti Amerika Syarikat, kajian juga turut meneliti kadar indeks jenayah di negara yang mempunyai jumlah penduduk yang lebih kecil seperti Taiwan. Malaysia pernah dibandingkan dengan Taiwan antara tahun 2000-2001 kerana jumlah penduduk yang hampir sama iaitu 22 juta pada ketika itu. Namun statistik jumlah penduduk terbaru menunjukkan Malaysia telah jauh meninggalkan Taiwan. Pada masa ini jumlah penduduk Taiwan adalah sama dengan Australia iaitu lebih kurang 24 juta. Taiwan dari segi lokasi negaranya sangat hampir dengan negara China iaitu negara pertama

yang mengalami wabak Covid-19 namun begitu negara ini merupakan antara negara yang terawal berjaya mengawal penularan Covid-19 daripada terus merebak. Sehingga artikel ini ditulis, jumlah jangkitan di Taiwan hanya sebanyak 602 kes dengan 7 kematian (Worldometer,2020). Taiwan merupakan negara yang mengambil tindakan pantas mengenakan sekatan perjalanan dan arahan kuarantin. Langkah kawalan dan pencegahan pantas ini adalah hasil dari pengalaman Kerajaan Taiwan ketika negara ini berhadapan dengan wabak SARS pada tahun 2003. Pengalaman tersebut telah membantu Taiwan untuk membuat persediaan dengan pelan kesihatan yang berkesan. (Deutsche Welle,2020)Sebagaimana pemimpin Taiwan berjaya mewujudkan rasa percaya rakyat kepada kerajaan terhadap langkah-langkah dan pencegahan yang diambil dalam memastikan kesihatan rakyat terjamin begitu jugalah kepercayaan rakyat terhadap jaminan kerajaan dalam aspek keselamatan memerangi jenayah. Menurut data daripada Numbeo, Taiwan tersenarai sebagai negara kedua paling selamat di dunia selepas Qatar daripada 133 negara keseluruhan. Sehingga pertengahan tahun 2020, kajian indeks jenayah Taiwan mendapat skor sebanyak 84.74% dalam aspek keselamatan (Jakarta Post,2020). Dalam tahun 2018, sebanyak 1,207 jenayah daripada 100,000 penduduk telah dilaporkan. Jumlah tersebut telah menurun daripada 1,246 kes pada tahun 2017. Indeks jenayah di Taiwan telah mengalami penurunan yang ketara sejak 10 tahun yang lalu apabila sebanyak 1,972 kes pada tahun 2008 berkurang kepada 1,218 pada 2013 dan mengalami penurunan yang agak perlahan pada tahun-tahun berikutnya. Antara jenayah yang dilaporkan di Taiwan adalah dadah dan kecurian. Laporan bagi kes pembunuhan juga adalah rendah. Pada 2018, sebanyak 94.84% daripada keseluruhan jenayah di Taiwan berjaya diselesaikan. Menurut laporan terbaru OSAC, Taipei dikategorikan sebagai lokasi yang mempunyai ancaman jenayah yang rendah. Ini berikutan setiap sudut bangunan di bandar itu dilengkapi dengan kamera pengawasan CCTV. Jenayah yang mungkin berlaku adalah jenayah seluk saku di kawasan sesak. Sewaktu arahan tinggal di rumah dan penjarakan sosial, Taiwan juga dilaporkan menghadapi isu kenaikan indeks jenayah keganasan rumah tangga namun tidak direkodkan secara rasmi. Selain daripada isu keganasan rumah tangga, Taiwan juga menghadapi masalah peningkatan jenayah siber. Masalah jenayah siber ini telah dihadapi sejak dari 2014 apabila 49% perisian komputer milik agensi utama digodam dan data diceroboh (Data Connectors,2020) Semenjak tercetusnya virus Covid-19 ini, China secara terus-menerus melaksanakan serangan siber ke atas Taiwan. Di saat dunia masih lagi tidak stabil dengan serangan pandemik ini, China dilaporkan telah menggunakan pahlawan siber bagi mengganggu langkah pencegahan yang dilaksanakan oleh Taiwan dalam membendung virus Covid-19 dengan menyebarkan berita palsu bagi merendahkan kredibiliti pasukan perubatan Taiwan. Selain itu China juga menggunakan media sosial seperti Facebook untuk menyebarkan berita palsu dan propaganda yang kemudiannya telah beralih kepada YouTube dan juga LINE. Selain dari serangan propaganda dari China, Taiwan juga menghadapi jenayah siber lain seperti kecurian data, penggubahan wang haram, kecurian atas talian dan sebagainya. Atas sebab ini, polis Taiwan telah menukuhan unit khas yang terdiri daripada penyiasat jenayah siber professional bagi menyiasat kes-kes jenayah siber dari semasa ke semasa. Taiwan juga berharap agar dapat menjalinkan kerjasama dengan negara-negara lain bagi membendung jenayah ini.

Faktor Penurunan Indeks Jenayah Peningkatan Jenayah

Beberapa kajian kuantitatif menunjukkan wujudnya hubungan di antara perlakuan dan situasi semasa sebagaimana pandemik Covid-19 ini telah membentuk perlakuan dan sikap masyarakat (Bove.V.et.al, 2020). Fetzer.T. et.al dalam kajiannya terhadap responden di 58 buah negara berkaitan hubungan di antara kesihatan mental dan kepercayaan masyarakat bagi membendung jenayah ini.

mendapati bahawa bahawa kesihatan mental masyarakat adalah berada pada tahap yang rendah

Faktor Penurunan Indeks Jenayah

Secara umumnya, penurunan indeks jenayah ini mempunyai hubung kait di antara arahan kerajaan dalam mengenakan perintah kawalan pergerakan dengan kesihatan mental masyarakat. Walaupun statistik jenayah indeks dilaporkan menurun tetapi ianya tidak menjurus kepada sifar. Ini bermakna semasa arahan PKP ini masih lagi berkuatkuasa, masih terdapat orang awam yang terlibat dengan jenayah lain. Apakah faktor yang memungkinkan berlakunya jenayah tersebut? Kemunculan pandemik ini membawa musibah kepada masyarakat dunia apabila tiada lagi kebebasan yang boleh dinikmati. Di saat PKP dilaksanakan tiada lagi kebebasan untuk bersosial, kebebasan untuk melaksanakan rutin harian, kebebasan untuk melakukan ritual/upacara agama, kebebasan pendidikan, kebebasan untuk menikmati keindahan alam dan lain-lain lagi. Apabila kebebasan ini diragut secara drastik, ia pastinya mendatangkan kesan yang amat ketara. Tidak dapat dibayangkan sebelum ini, isi rumah yang selama ini hanya berdua mungkin menjadi berlima, berlapan atau melebihi 10 orang apabila anak-anak yang bersekolah asrama terpaksa pulang ke rumah manakala yang bekerja pula tidak boleh hadir ke pejabat. Ruang yang sempit menjadi panas. Rumah yang selama ini senyap sunyi kali ini dipenuhi dengan suara-suara gelak tawa, tengkingan dan tangisan yang membingitkan suasana. Pada fasa pertama, mungkin kesabaran masih lagi ada dalam dada, namun apabila PKP mula disambung ke beberapa fasa dan keadaan politik dan ekonomi negara menjadi semakin tidak stabil ditambah pula mendapat khabar berita ketua keluarga hilang punca pencapaian apabila ditamatkan pekerjaan menjadikan suasana di rumah tidak lagi tenang.

Faktor Peningkatan Jenayah

Dalam keadaan norma baharu bersama permasalahan baharu bukan sahaja memberi tekanan terhadap mental bahkan memberi tekanan psikologi tanpa mengira orang dewasa, remaja atau kanak-kanak dalam persekitaran yang sama. Terdapat berita yang dilaporkan berkenaan ‘Bekas Pengurus Maut Selepas Rempuh Kilang, Baling Petrol’. Berita ini melaporkan suspek yang merempuh masuk ke dalam kilang berkenaan merupakan bekas pengurus kilang tersebut yang baharu sahaja diberhentikan kerja. Suspek dikatakan tidak berpuas hati dengan tindakan pengurusan kilang tersebut dan bertindak merempuh pejabat kilang itu dengan kereta mangsa dan membaling petrol dengan niat untuk membakar kilang tersebut. Suspek yang kemudian melarikan diri tempat kejadian dikatakan sengaja melintas jalan sebelum dilanggar oleh treler. Kejadian ini menunjukkan bahawa tekanan mental yang dihadapi oleh seseorang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa. Perbuatan melepaskan tekanan ini sekiranya tidak dikawal boleh membawa kepada sesuatu yang negatif kerana seseorang yang mengalami tekanan pada masa itu tidak lagi dapat berfikir secara waras. Begitu juga aura negatif yang beredar di sekeliling rumah akan menyebabkan perhubungan di antara keluarga menjadi renggang apabila sering berlakunya perbalahan, penggunaan bahasa yang kasar dan tidak wajar didengari oleh kanak-kanak, kejadian pukul dan sebagainya. Anak-anak remaja kemungkinan tidak betah untuk tinggal di rumah dan cuba lari dari persekitaran seperti ini. Namun, akibat lain yang bakal dihadapi adalah apabila anak-anak ini bergaul dengan rakan-rakan sebaya yang juga bermasalah. Pengaruh rakan-rakan juga berkemungkinan akan mempengaruhi seseorang untuk melakukan tindakan yang melanggar peraturan. Anak-anak ini mungkin akan terlibat dengan dadah, meragut, menyamun dan sebagainya. Bagi anak remaja perempuan yang berkawan dengan anak-anak orang berada sedangkan diri hanya berstatus biasa berkemungkinan akan terjebak dengan kegiatan jenayah pelacuran bagi memastikan dirinya

dapat hidup dalam kemewahan dan diterima oleh kelompok berkenaan. Masyarakat moden masa kini boleh dilihat lebih berfikiran liberal dalam membesarakan anak-anak. Anak-anak gen Z zaman ini ada yang dibiarkan tanpa pendidikan agama dan moral yang betul kerana bagi mereka pendidikan agama adalah kolot, tidak *up to date* dan tidak menjamin kehidupan yang selesa pada masa akan datang. Keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila ibu bapa juga menunjukkan contoh yang tidak baik kepada anak-anak. Tanpa disedari, hidup tanpa pegangan agama dan prinsip hidup yang betul, seseorang itu akan lebih cepat terdedah kepada perbuatan-perbuatan yang dilarang agama dan undang-undang. Perbuatan yang mudah dilakukan tanpa dilihat adalah jenayah rasuah. Rasuah ini umpama barah. Ianya mungkin bermula dari kecil tetapi lama kelamaan akan menjadi besar. Rasuah ini juga umpama dadah kerana apabila ianya bermula ianya akan menjadi satu ketagihan dan sukar untuk ditinggalkan kerana telah menjadi darah daging. Di samping itu, kepesatan teknologi dan digitalisasi masa kini juga merupakan penyumbang kepada gejala-gejala yang tidak sihat. Pendedahan terus menerus kepada media sosial tanpa batasan juga boleh menyebabkan ketagihan tanpa mengira had umur. Apabila teknologi diagung-agungkan dan dijadikan sebagai pengganti kasih sayang ianya akan menjadi satu keperluan dan bukan lagi sebagai kehendak. Apabila akses kepada internet mudah diperolehi, ianya membuka peluang terutamanya kepada anak-anak untuk melayari laman sesawang gelap atau laman sesawang yang menghidangkan tayangan berbentuk keganasan, seks bebas, perjudian dan sebagainya. Apabila masing-masing telah mempunyai ketagihan atau taksub terhadap sesuatu, apa jua larangan tidak akan diendahkan lagi. Di kala masing-masing sudah tidak mempunyai pegangan, kemesraan dan toleransi juga sudah tidak wujud maka pincanglah sesebuah institusi keluarga itu. Kepincangan ini jua yang akan membawa kepada terjadinya kes-kes perceraian. Anak-anak pula menjadi mangsa sama ada menjadi perebutan di antara ibu dan bapa atau mereka sendiri mencari jalan keluar. Tanpa pegangan agama dan moral yang kukuh jalan keluar yang dipilih tidak selalunya berakhir dengan kebaikan. Penglibatan mereka dalam kegiatan jenayah dan tidak bermoral adalah kerana mereka inginkan perhatian. Anak-anak yang masih muda membesar dan mula berubah menjadi seorang pembuli di sekolah. Jadi tidak hairanlah apabila ramai suspek yang terlibat dengan kumpulan gangster, jenayah jalanan atau samun adalah anak-anak remaja yang kekosongan jiwa. Faktor-faktor di atas merupakan faktor yang pada asalnya bersifat dalam kerana ianya bermula daripada insitusi keluarga yang goyah yang lama-kelamaan menjadi barah dalam masyarakat. Faktor luaran yang menyumbang kepada peningkatan jenayah seperti yang pernah disebutkan pada awal pengenalan artikel ini adalah faktor kemiskinan, pengangguran dan peningkatan buruh asing bukan professional dan juga pendatang tanpa izin. Kebanjiran warga asing di negara kita menimbulkan rasa tidak selamat pada rakyat negara ini kerana banyak kejadian kecurian, samun bersenjata, pecah rumah, rogol, pembunuhan dan jenayah-jenayah kekerasan adalah melibatkan warga asing.

Langkah-Langkah Untuk Mengurangkan Jenayah

Tidak dinafikan bahawa untuk meningkatkan aspek keselamatan negara selain daripada melindungi negara daripada serangan pengganas, kerajaan juga mensasarkan untuk mengurangkan kadar indeks jenayah samada jenayah fizikal maupun jenayah siber yang merupakan tren masa kini. Bagi mengurangi jenayah, aspek Pencegahan dan Penguatkuasaan perlu berjalan seiring. Inisiatif pengurangan jenayah perlu mengamobil kira tren jenayah semasa dengan mengambil kira faktor perkembangan demografi dan struktur sosioekonomi Malaysia (Dr.Amin Khan,2015). Langkah-langkah pencegahan jenayah perlu dilihat secara holistik. Tanggungjawab untuk memerangi jenayah bukan hanya terletak pada polis dan hakim semata-mata namun memerlukan kerjasama daripada semua pihak yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta, NGO dan juga masyarakat. Kerjasama dapat dilaksanakan

sekiranya masyarakat mempunyai sepenuh kepercayaan terhadap kerajaan dalam memastikan keselamatan mereka. Antara langkah kerajaan dalam memerangi jenayah kekerasan adalah dengan:

1. menambah bilangan keanggotaan polis. Memetik kenyataan KDN pada 2015 bahawa sekurang-kurangnya 6,500 anggota polis baharu akan dilantik setiap tahun bagi memenuhi keperluan kekurangan anggota polis yang bersara atau meletak jawatan.
2. KDN juga bercadang untuk menambah dan menaik taraf semua CCTV di bandar Kuala Lumpur dengan keupayaan *artificial intelligence* dan pengecaman wajah yang boleh digunakan secara bersepada bersama fungsi-fungsi lain. Dalam hal ini, KDN akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
3. Di samping itu juga, pembelian dron-dron baharu juga akan dibuat untuk pengawasan dan bagi membantu membanteras jenayah.
4. Program Bandar Selamat. Selain itu dari usaha membanteras jenayah di kawasan bandar. Jenayah di kawasan luar bandar juga perlu juga diberi perhatian. Dalam hal ini, keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Januari 2004 yang mencadangkan agar diwujudkan bandar dan pekan yang selamat sebagai langkah mencegah jenayah wajar diteruskan memandangkan program ini hanya dilaksanakan selama setahun iaitu pada Disember 2009 sehingga Disember 2010. Program Bandar Selamat ini telah diwujudkan oleh KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) untuk dipanjangkan kepada 149 Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara dengan matlamat utama untuk mengurangkan jenayah jalanan sebanyak 20% yang mana merupakan antara sasaran di bawah NKRA jenayah pada masa itu. Semasa pelaksanaan program ini, JPBD dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga KDN telah membangunkan satu sistem yang dinamakan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) yang merupakan satu transformasi kepada *Police Reporting System* (PRS) PDRM yang mana sistem ini berupaya untuk mengintegrasikan elemen penandaan lokasi kejadian jenayah di atas peta melalui pelantar Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang mempunyai koordinat (PLANMalaysia).
5. Pendedahan melalui program Pendidikan Di samping itu juga, KDN terutamanya PDRM turut memberikan pendedahan melalui program pendidikan kepada masyarakat terutamanya kepada golongan remaja seperti sukarelawan polis bagi mewakili orang awam, RakanCop, Kadet Polis di sekolah-sekolah, Kor Sukarelawan Polis Siswa-siswi di pusat pengajian tinggi dan juga polis bantuan. PDRM juga ada melaksanakan program turun padang bagi mendekati komuniti masyarakat menerusi program seperti Komuniti Polising bagi merealisasikan moto PDRM iaitu ‘Polis dan Masyarakat berpisah tiada’. Program bersifat komuniti ini akan mendidik orang awam untuk berfungsi sebagai mata dan telinga kepada polis dalam mencegah dan melaporkan sebarang kejadian jenayah. Jenayah komersial sebagaimana jenayah yang melibatkan isu *scam* dan sebagainya bukanlah jenayah yang tersenarai sebagai jenayah indeks. Walau bagaimanapun, melihat kepada peningkatan jenayah ini dan kerugian yang diakibatkannya telah menyebabkan PDRM membuat kajian agar jenayah siber ini dimasukkan ke dalam jenayah indeks agar pemerhatian khusus dapat diberikan kepada jenayah ini. Buat masa ini, PDRM sedang mengambil langkah mempertingkatkan perkakasan bagi membantu mengesan jenayah atas talian ini.
6. Jawatankuasa Jenayah Siber” yang telah ditubuhkan antara PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga akan terus digerakkan dan diperkasakan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan

tersusun, termasuklah bagi perkara yang melibatkan isu kesalahan jenayah siber termasuklah berkaitan penyebaran kandungan, maklumat, berita atau laporan tidak benar atau palsu. (Dewan Rakyat,2020). Kerajaan juga telah menunjukkan komitmen dalam usaha membanteras isu jenayah siber ini melalui peruntukan belanjawan bagi tahun 2021 sebanyak 27 juta kepada CSM.

Kesimpulan

Secara umumnya, respon kerajaan bagi menangani penularan pandemik Covid-19 dengan cara mengenakan sekatan pergerakan dan penjarakan sosial ini berkemungkinan memberi kesan terhadap kadar indeks jenayah di sesebuah negara namun ianya bukanlah dalam tempoh masa yang panjang. Situasi ini berlaku kerana masyarakat memberi perhatian khusus kepada aspek kesihatan dan akur dengan larangan untuk tidak keluar rumah bagi melumpuhkan kontak jangkitan. Tetapi bagi golongan yang hanya melihat pandemik Covid-19 ini sebagai satu wabak biasa akan cuba untuk keluar daripada rumah. Sepertimana yang disebut di atas, jenayah yang paling popular semasa musim PKP adalah jenayah curi motor kerana semasa musim PKP ini tiada yang keluar untuk bekerja dan kenderaan kereta motor hanya tersadai sahaja di tempat parkir berbulan lamanya. Keadaan ini lah yang memberi peluang dan kemudahan kepada penjenayah untuk terus melakukan jenayah. Jenayah samun berkumpulan pula masih berlaku tetapi agak rendah mungkin disebabkan oleh faktor penjarakan sosial menyebabkan tiada aktiviti berkumpulan boleh dilakukan. Sekatan pergerakan dan penjarakan sosial ini sebenarnya bukanlah kayu pengukur untuk dijadikan sebagai salah satu alternatif bagi mengurangkan kadar indeks jenayah kerana walaupun kadar jenayah indeks menurun namun jenayah-jenayah lain masih lagi berlaku contohnya seperti jenayah keganasan rumah tangga dan juga jenayah siber yang makin membimbangkan.Faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan jenayah pula adalah pelbagai. Bermula daripada isu tekanan perasaan yang mempengaruhi kesihatan mental, pengaruh media sosial, pengaruh rakan sebaya, gaya hidup lebih dari kemampuan, kurang didikan agama dan moral, kemiskinan dan pengangguran adalah antara penyebab berlakunya kejadian jenayah. Apabila faktor-faktor di atas dihadapi apatah lagi semasa musim pandemik, ianya secara automatik akan mencetuskan perlakuan jenayah. Sebagai contoh, seorang anak yang juga merupakan seorang penganggur sanggup menikam bapa sendiri sehingga mati akibat tidak dapat menerima teguran bapanya agar tidak terlalu leka bermain telefon.(Berita Harian,2020)Sehubungan dengan itu, bagi mencapai matlamat mengurangkan jenayah atau sifar jenayah, kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam memastikan matlamat pengurangan jenayah ini dapat dicapai. Antara langkah utama yang diambil adalah dengan menambah keanggotaan polis seramai 6,500 setahun bagi menampung kekosongan tempat oleh anggota yang bersara atau meletak jawatan. Di samping penambahan anggota, KDN juga bercadang untuk membuat penambahan dan menaik taraf CCTV beserta pembelian dron-dron baharu yang dijangka akan membantu untuk mencegah jenayah di kawasan bandar-bandar yang indeks jenayahnya lebih tinggi. Pemantauan melalui CCTV dan dron ini juga akan dilaksanakan secara bersepadu bersama KPKT dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Selain daripada itu juga, KDN juga mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan dan pendidikan kepada masyarakat tentang cara mencegah jenayah melalui program Komuniti Polising sebagai cara untuk mencapai matlamat mengurangkan jenayah. Komuniti masyarakat akan membantu pihak polis dalam menyalurkan maklumat mengenai jenayah yang berlaku di kawasan mereka. Program yang melibatkan masyarakat ini secara tidak langsung akan membantu mengurangkan beban tugas polis. Dalam aspek mengurangkan jenayah siber pula, PDRM telah menujuhan jawatankuasa bersama SKMM di samping menaik taraf perkakasan bagi membantu mengesan penjenayah siber-siber ini. Secara

kesimpulannya, aspek peningkatan dan penurunan kadar indeks jenayah adalah dipengaruhi oleh banyak faktor. Oleh itu, bagi mengelakkan kewujudan generasi yang mempunyai pemikiran jenayah, institusi keluarga haruslah dijaga. Dan bagi membantu mengurangkan jenayah yang telah berlaku perlu mendapat kerjasama semua pihak kerana tanggungjawab untuk memastikan keselamatan masyarakat dan negara terletak pada semua pihak dan bukannya polis atau badan perundangan semata-mata kerana jenayah boleh dikurangkan melalui pencegahan dan penguatkuasaan.

Rujukan

- Ashby, M. P. (2020). Initial evidence on the relationship between the coronavirus pandemic and crime in the United States. *Crime Science*, 9, 1-16.
- Asia: Crime Index by Country 2020 Mid-Year
https://www.numbeo.com/crime/rankings_by_country.jsp?title=2020mid®ion=142
- Berita Harian Mei 2021
- Bernama (2020) Remaja 18 tahun ditahan lakukan samun berkumpulan ketika PKP
<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1836638>
- Bove, V., & Di Leo, R. (2020). COVID-19, Security Threats and Public Opinions. *Peace Economics, Peace Science and Public Policy*, 1(ahead-of-print).
<https://doi.org/10.1515/peps-2020-0033>
- Boman, J. H., & Gallupe, O. (2020). Has COVID-19 changed crime? Crime rates in the United States during the pandemic. *American journal of criminal justice*, 45(4), 537-545.
- Coyne.M.(2020) Crime Rates Across U.S. Drop Amid The Coronavirus Pandemic,
<https://www.forbes.com/sites/marleycoyne/2020/04/11/crime-rates-across-us-drop-amid-the-coronavirus-pandemik/?sh=1b2520fe311e>
- Children in Sweden (2020), <https://sweden.se/society/children-and-young-people-in-sweden>
- Dass, Rueben Ananthan Santhana (2019) Crime Trends and Patterns in Malaysia, Kyoto Review of Southeast Asia, Trendsetters, August 2019
<https://kyotoreview.org/trendsetters/crime-trends-and-patterns-in-malaysia/>
- Data Connectors (2020) : Home <https://dataconnectors.com>
- Deutsche Welle(2020) How has Taiwan kept its coronavirus infection rate so low?
<https://www.dw.com/en/taiwan-coronavirus/a-52724523>
- Dr.Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2019) Jenayah Dalam Islam
<http://www.addeen.my/index.php/rohani/hukum/item/44-jenayah-dalam-islam>
- Freden.J (2020) First Ban on Smacking Children <https://sweden.se/society/smacking-banned-since-1979/#>
- Harian Metro,2020
- Hawdon, J., Parti, K., & Dearden, T. E. (2020). Cybercrime in America amid COVID-19: The Initial Results from a Natural Experiment. *American Journal of Criminal Justice*, 1-17.
- Hofverberg.E(2019) Legal Framework for Child Protection, Library of Congress Law
<https://www.loc.gov/law/help/child-protection-law/sweden.php#>
- <https://www.cybersecurity.my>
- Kementerian Dalam Negeri, Statistik Jenayah Indeks Seluruh Malaysia Mengikut Jenis Jenayah, Negeri dan Tahun, URL:
https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-jenayah-indeks-seluruh-malaysia-mengikut-jenis-jenayah-negeri-dan-tahun

- Khan, Amin (2015) Menguatkuasakan Undang-Undang Bukan Mudah, Kita Perlu Mendepani Kedua-Dua Proses 'Huluan' Dan 'Hiliran' Dalam Usaha Menangani Jenayah <https://www.mstar.com.my/klik/2015/08/25/menguatkuasakan-undang-undang-bukan-mudah>
- Khan,Amin (2015). Pandangan Berbeza Dalam Jenayah. <https://www.mstar.com.my/klik/2015/03/04/pemandu>
- Khan, Amin (2015). Bolehkah Kita Percaya Pada Statistik Jenayah?. <https://www.mstar.com.my/klik/2015/05/06/pemandu-rekod-jenayah>
- Mstar (2015) 6,500 Anggota Polis Baharu Setiap Tahun Untuk Atasi Jenayah <https://web.archive.org/web/20171210065551/http://www.mstar.com.my/berita/berita-jenayah/2015/03/18/polis-baru/>
- Nanyang Siang Pau*
- Nor-Ina Kanyo , Norizan Hj. Md.Nor , Ruslan Rainis , Ahmad Tarmizi Abdul Rahman , Norita Jubit(2015) Mengurus ruang jenayah: Suatu tinjauan dasar pengurangan jenayah di Malaysia GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 11 issue 2 (107 117) 107 ©
- N. A. Siddiquee, (2014) Malaysia's Government Transformation Programme: A preliminary Assessment, Intellectual Discourse, Volume 22 No.1 P.23
- OSAC Country Council (2020) Taiwan 2020 Crime & Safety Report <https://www.osac.gov/Country/Taiwan/Content/Detail/Report/a81e91c1-8248-4247-87fb-1838ca0ec766>
- Pelan Strategik Kdn2021-2025 <https://www.moha.gov.my/images/penerbitan>
- Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat 2020 <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-20072020.pdf>
- Reporters Free Malaysia Today (2020) Kes jenayah di KL turun 57% sepanjang fasa 1 PKP, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/04/01/kes-jenayah-di-kl-turun-57-sepanjang-fasa-1-pkp>
- Song, H., Lynch, M. J., & Cochran, J. K. (2016). A macro-sosial exploratory analysis of the rate of Interstate Siber-Victimization. American Journal Of Criminal Justice, 41(3), 583–601.
- Sowmyya Thotakura (2011) Crime: A Conceptual Understanding (2011) Indian Journal of Applied Research 4(3):196-198
- The Kuala Lumpur OSAC Country Council (2020) Malaysia 2020 Crime & Safety Report, <https://www.osac.gov/Country/Malaysia/Content/Detail/Report/148f55ab-9111-47ef-99e4-1811a5d28a20>
- Utusan Malaysia 1 Jun 2021